KAJIAN ANALISIS TREND PERMINTAAN DAN PENYERTAAN DALAM KURSUS PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DI KOLEJ KOMUNITI KULIM

Sopha Mustafa*, Nazliza Abdul Ghani

Kolej Komuniti Kulim,Malaysia
**Email Pengarang Pengantara : sophamustafa@kkkulim.edu.my*

Abstrak

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan satu pendekatan pendidikan yang penting bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan latihan secara berterusan dalam kalangan komuniti setempat. Pembudayaan PSH di peringkat nasional dapat memacu pertumbuhan ekonomi, kemajuan dan kemakmuran negara. Kolej Komuniti di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) memperkasakan PSH di kalangan masyarakat dan komuniti setempat sejak ia ditubuhkan pada tahun 2001. Kolej Komuniti Kulim (KKKU) merupakan salah sebuah institusi yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam Sistem Prestasi Persist POLYCC menerusi penyertaan kursus PSH selama tiga tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, analisis terperinci secara bertulis berkenaan kluster bidang yang menyumbang kepada pencapaian penyertaan kursus PSH masih belum dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dibangunkan bagi menganalisis trend permintaan dan penyertaan kursus PSH di KKKU bagi tempoh tiga tahun berturut iaitu tahun 2022 sehingga tahun 2024. Instrumen kajian terdiri daripada kaedah pemerhatian terhadap data kursus PSH yang diperoleh melalui sistem ePSH. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji trend permintaan mengikut kluster kursus PSH yang ditawarkan di KKKU serta mengenalpasti kursus PSH yang popular di KKKU. Dapatan kajian dianalisis dengan bantuan perisian Microsoft Excel bagi menghasilkan graf perbandingan antara kluster, di mana kluster Katering dan Sajian mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu sebanyak 26.77 peratus, manakala kluster-kluster lain mencatatkan peratusan di bawah 20.00 peratus. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan berguna kepada pihak pengurusan dalam usaha meningkatkan penyertaan serta merancang penawaran kursus PSH yang lebih berkesan di KKKU.

***Kata kunci*:** Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Kursus Pendek, Trend Permintaan, Kolej Komuniti Kulim.

1.0 Pengenalan

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan suatu konsep pendidikan yang menekankan kepentingan memperoleh ilmu dan kemahiran secara berterusan tanpa batasan usia, tempat ataupun tahap pendidikan formal. Konsep ini selaras dengan perubahan dinamik dalam masyarakat yang menuntut individu agar sentiasa meningkatkan kebolehan diri sejajar dengan perkembangan teknologi dan keperluan industri. Di Malaysia, PSH telah menjadi antara agenda penting dalam pembangunan modal insan dan pengukuhan kecekapan tenaga kerja. Kerajaan melalui pelbagai institusi Pendidikan, termasuk Kolej Komuniti telah mengambil inisiatif untuk menyediakan kursus-kursus PSH bersifat fleksibel dan mudah diakses oleh masyarakat umum.

Sebagai sebuah institusi yang memainkan peranan dalam mendukung agenda PSH, Kolej Komuniti Kulim (KKKU) menawarkan pelbagai kursus jangka pendek yang meliputi pelbagai bidang Kemahiran dan pengetahuan. Kursus-kursus ini dirangka untuk memenuhi keperluan komuniti setempat termasuk golongan pekerja, suri rumah, pesara, belia, peniaga, pelajar serta individu yang berminat untuk menambah Kemahiran baru atau meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang tertentu. Walaupun pelbagai kursus ditawarkan, terdapat perbezaan dalam kadar penyertaan peserta bagi setiap kursus. Justeru, memahami trend permintaan dan penyertaan kursus adalah penting bagi memastikan program yang ditawarkan relevan dan selari dengan kehendak serta keperluan peserta.

Kajian terhadap trend permintaan dan penyertaan kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) memainkan peranan yang sangat signifikan dalam usaha merangka dan menambah baik perkhidmatan latihan kemahiran kepada masyarakat setempat. Analisis terhadap pola penyertaan bukan sahaja membantu mengenal pasti kursus yang mendapat sambutan tinggi, malah memberi petunjuk terhadap kecenderungan, minat dan keperluan semasa komuniti. Melalui analisis ini, institusi dapat merancang penawaran kursus yang lebih bersasar, efisien dan selari dengan kehendak pasaran serta dasar pembangunan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Permintaan yang berubah-ubah dalam kalangan peserta kursus PSH dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keperluan pasaran kerja, kebolehcapaian kursus, latar belakang sosial ekonomi peserta serta tahap kesedaran terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Kajian oleh Rahman dan Mohamad (2019) menunjukkan bahawa kursus yang berkait rapat dengan keperluan harian dan potensi penjanaan pendapatan seperti jahitan, kulinari dan keusahawanan mempunyai kadar penyertaan yang tinggi. Oleh itu, pemantauan terhadap trend penyertaan membolehkan pihak institusi mengenal pasti kursus yang relevan dan berimpak tinggi serta menilai kursus yang kurang mendapat sambutan untuk ditambah baik.

Di samping itu, kajian terhadap trend permintaan dan penyertaan dapat membantu memperkukuhkan hubungan antara institusi dan komuniti. Dengan memahami keperluan sebenar masyarakat, pihak Kolej Komuniti dapat menawarkan kursus yang bukan sahaja meningkatkan kemahiran peserta, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan mobiliti sosial mereka. Menurut Mahadzir dan Roslan

(2021), pelaksanaan kursus PSH yang berorientasikan komuniti secara langsung dapat memperkukuh kesejahteraan sosial dan memperkasakan golongan rentan seperti wanita, warga emas, OKU, Orang miskin dan juga belia.
Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis trend permintaan dan penyertaan kursus PSH di Kolej Komuniti Kulim dengan menganalisis data penyertaan dari sistem ePSH bagi mengenal pasti corak dan taburan peserta mengikut Kluster kursus yang ditawarkan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kursus PSH yang paling popular dalam kalangan peserta. Dengan memperoleh data yang sistematik mengenai trend penyertaan, pihak pengurusan KKKU dapat merangka strategi yang lebih efektif dalam merancang kursus yang memenuhi permintaan semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis sekunder dimana maklumat mengenai penyertaan peserta diperolehi daripada rekod sistem ePSH. Selain itu, kajian ini turut menggunakan teknik pemerhatian bagi memahami pola penyertaan secara lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan memberikan gambaran menyeluruh mengenai pola permintaan dan penyertaan kursus PSH di KKKU yang seterusnya dapat menjadi asas dalam merangka strategi yang lebih berkesan bagi meningkatkan keterlibatan peserta. Dapatan kajian ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pihak pengurusan kolej dalam merancang program PSH yang lebih relevan tetapi juga dapat menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai trend pembelajaran sepanjang hayat di institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

1.1 Objektif kajian

Kajian ini ingin melihat trend permintaan dan penyertaan kursus mengikut kluster PSH yang ditawarkan di KKKU. Secara khususnya kajian ini bertujuan :

1.1.1 Mengkaji trend permintaan dan penyertaan kursus mengikut kluster kursus PSH yang ditawarkan di KKKU.
1.1.2 Mengenalpasti kursus PSH yang popular di KKKU.

1.2 Kajian literatur

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) banyak dipengaruhi oleh teori-teori pendidikan dewasa yang menjadi kerangka utama dalam merangka pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan keperluan peserta dewasa. Antara teori yang paling berpengaruh ialah Teori Pembelajaran Dewasa atau Andragogi yang diperkenalkan oleh Malcom S. Knowles pada tahun 1970-an. Teori ini telah digunakan secara meluas dalam konteks Pendidikan orang dewasa dan Latihan Kemahiran termasuk dalam pelaksanaan program PSH di pelbagai institusi seperti Kolej Komuniti (Knowles, Holton & Swanson, 2015).

Menurut Knowles, andragogi merujuk kepada seni dan sains dalam membantu orang dewasa belajar, berbeza dengan pedagogi yang lebih tertumpu kepada pembelajaran kanak-kanak. Beliau mengemukakan enam prinsip utama pembelajaran dewasa. Prinsip-prinsip tersebut menjelaskan bahawa orang dewasa cenderung untuk belajar apabila mereka memahami keperluan dan manfaat pembelajaran tersebut terhadap kehidupan dan pekerjaan mereka. Oleh itu, kursus PSH yang dirancang mestilah berorientasikan matlamat, relevan serta memberi peluang kepada peserta untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran.

Selain itu, dalam konteks PSH di Kolej Komuniti, prinsip kesediaan untuk belajar dan orientasi terhadap pembelajaran berasaskan kehidupan sebenar amat penting. Ramai peserta dewasa mengikuti kursus PSH untuk menambah baik kemahiran kerja, menjana pendapatan sampingan dan juga menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi. Oleh yang demikian, modul kursus dan kaedah pengajaran perlu berasaskan situasi sebenar, kajian kes dan juga amali. Kajian oleh Zulkifli dan Mohamad (2019) menjelaskan bahawa peserta PSH lebih berminat kepada pendekatan pembelajaran berasaskan tugasan dan penyelesaian masalah kerana ia berkait rapat dengan aplikasi dalam kehidupan harian mereka. Dengan memahami ciri-ciri dan keperluan pembelajaran orang dewasa, kursus PSH bukan sahaja mampu meningkatkan tahap kemahiran peserta malah turut memberi impak kepada pembangunan diri dan sosial komuniti.

Kajian oleh Mohd Yusof dan Ismail (2020) yang dijalankan di Kolej Komuniti Bentong mendapati bahawa kebanyakan peserta PSH terdiri daripada golongan dewasa yang ingin meningkatkan Kemahiran sedia ada bagi tujuan keusahawanan dan pekerjaan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kursus bersifat praktikal seperti kulinari, jahitan dan dandanan mendapat sambutan yang tinggi kerana mempunyai aplikasi langsung dalam kehidupan seharian peserta. Hasil tinjauan juga mendapati bahawa waktu pelaksanaan kursus yang fleksibel, kos yang berpatutan dan lokasi kursus yang mudah diakses menjadi faktor penarik utama penyertaan.

Selain itu, kajian oleh Abdullah dan Latif (2018) di Kolej Komuniti Bandar Penawar meneliti keberkesanan pelaksanaan kursus PSH dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Kajian tersebut mendapati bahawa penyertaan aktif peserta dalam kursus sangat bergantung kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar. Penggunaan kaedah pengajaran interaktif seperti amali, demonstrasi dan Kumpulan didapati lebih berkesan berbanding pendekatan kuliah tradisional. Ini bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran dewasa yang menekankan pengalaman, motivasi dalaman dan pembelajaran berasaskan masalah (Knowles et al.,2015).

Menurut Hassan dan Manaf (2017) di Universiti Kebangsaan Malaysia pula menyatakan bahawa pelajar dewasa yang mengikuti program pembelajaran fleksibel memerlukan pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya hidup dan komitmen mereka. Kajian tersebut menekankan bahawa fleksibiliti dari segi masa, pendekatan dalam talian dan sistem sokongan pembelajaran memainkan peranan penting dalam mengekalkan penyertaan dan motivasi pelajar. Hal ini selari dengan dapatan oleh Noraini et al. (2021) di Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menunjukkan bahawa keberkesanan PSH dalam kalangan pelajar dewasa dapat dipertingkatkan melalui pendekatan *blended learning* dan penggunaan teknologi digital dalam penyampaian kursus.

Secara keseluruhannya, PSH memainkan peranan yang amat penting dalam memperkasakan potensi individu serta membangunkan masyarakat yang berpengetahuan dan berkemahiran. Oleh itu, untuk memastikan manfaat PSH dapat dimaksimumkan, adalah wajar untuk mengenal pasti dan menangani pelbagai halangan yang menghalang penyertaan masyarakat. Di samping itu, penyediaan peluang pembelajaran yang berkualiti tinggi, mudah diakses dan bersesuaian dengan keperluan pelbagai lapisan masyarakat perlu diberi keutamaan agar matlamat PSH

dapat direalisasikan secara menyeluruh.

2.0 Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis data sekunder yang diperoleh daripada rekod penyertaan kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) melalui sistem ePSH di Kolej Komuniti Kulim (KKKU). Data kajian dikumpul dan disusun dari tahun 2022 sehingga tahun 2024 dan data ini disimpan dalam bentuk Microsoft Excel supaya pengiraan matematik dan paparan graf mudah dibangunkan dengan lebih cepat. Populasi yang di ambil adalah 100 peratus dari data bilangan peserta yang menyertai kursus dari tahun 2022 sehingga tahun 2024. Jadual 1 di bawah menunjukkan data kajian dari tahun 2022 sehingga tahun 2024.

Jadual 1 : Data Kajian

BIL	KLUSTER	JUMLAH PESERTA			JUMLAH KESELURUHAN	PERATUSAN
		2022	2023	2024		
1	KATERING DAN SAJIAN	636	613	649	1898	26.77
2	KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	160	146	88	394	5.56
3	PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN	136	377	410	923	13.02
4	BANGUNAN	0	0	0	0	0.00
5	KENDERAAN DAN AUTOMOTIF	0	0	0	0	0.00
6	BAHASA	0	51	0	51	0.72
7	KEROHANIAN DAN KEAGAMAAN	0	0	0	0	0.00
8	GRAFIK DAN MULTIMEDIA	133	188	261	582	8.21
9	SAINS KESIHATAN	15	13	52	80	1.13
10	PEMBANGUNAN DIRI/MOTIVASI	74	75	25	174	2.45
11	SAINS & MATEMATIK	0	17	0	17	0.24
12	KECANTIKAN DAN DANDANAN	224	521	415	1160	16.36
13	ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	200	210	0	410	5.78
14	KRAFTANGAN DAN HIASAN	0	10	0	10	0.14

	DALAMAN					
15	JAHITAN DAN PAKAIAN	221	422	56	699	9.86
16	PROGRAM INDUSTRI	0	142	0	142	2.00
17	TEKNOLOGI AGRO	0	180	0	180	2.54
18	HOSPITALITI DAN PELANCONGAN	0	0	0	0	0.00
19	SENI KREATIF	57	117	99	273	3.85
20	AKUAKULTUR	0	0	0	0	0.00
21	KESENIAN DAN KEBUDAYAAN	0	0	0	0	0.00
22	TEKNOLOGI HIJAU	44	0	54	98	1.38
		1900	**3082**	**2109**	**7091**	**100.00**

3.0 Analisis dan perbincangan

Rajah 1 di bawah menunjukkan data penyertaan kursus PSH di Kolej Komuniti Kulim dimana pola yang menarik dapat dilihat dari aspek bilangan peserta mengikut tahun dan jantina. Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 1900 orang dengan 526 orang (27.68%) terdiri daripada peserta lelaki manakala 1374 orang (72.32%) merupakan peserta perempuan. Angka ini mencerminkan bahawa penyertaan wanita adalah lebih tinggi berbanding lelaki dan dominasi penyertaan ini berterusan pada tahun-tahun berikutnya.

Seterusnya, pada tahun 2023, jumlah penyertaan meningkat dengan ketara kepada 3082 orang iaitu peningkatan lebih daripada 60% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun berlaku peningkatan jumlah keseluruhan, peratusan jantina tidak banyak berubah. Peserta lelaki meningkat kepada 801 orang (25.99%) dan peserta perempuan kepada 2281 orang (74.01%). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun bilangan lelaki bertambah dari segi kuantiti, dominasi penyertaan wanita masih jelas kelihatan. Peningkatan ini boleh ditafsirkan sebagai kejayaan strategi promosi dan penawaran kursus yang lebih bersifat inklusif dan menarik minat komuniti setempat, khususnya golongan wanita yang mungkin melihat kursus PSH sebagai peluang untuk menambah kemahiran atau meningkatkan taraf ekonomi keluarga.


Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, data menunjukkan penurunan jumlah penyertaan iaitu hanya 2109 orang peserta. Dari jumlah tersebut, 484 orang (22.95%) adalah lelaki, manakala 1625 orang (77.05%) adalah perempuan. Walaupun peratusan penyertaan wanita meningkat sedikit secara relatif, jumlah keseluruhan peserta menurun hampir 31% berbanding tahun 2023. Trend ini membawa implikasi bahawa terdapat faktor-faktor luaran yang mempengaruhi kadar penyertaan kursus seperti perubahan sosioekonomi, kekangan masa masyarakat, isu pasaran buruh, atau kurangnya keberkesanan strategi promosi pada tahun berkenaan. Penurunan penyertaan lelaki juga boleh ditafsirkan sebagai tanda bahawa kursus-kursus yang ditawarkan kurang menarik atau kurang relevan dengan keperluan dan minat golongan

lelaki setempat.



Rajah 1 : Perbandingan jumlah peserta lelaki dan perempuan

Rajah 2 di bawah menunjukkan gambaran jelas mengenai taburan peratusan jumlah keseluruhan peserta Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Kolej Komuniti Kulim mengikut kluster kursus bagi tahun 2022 hingga 2024. Kluster Katering dan sajian 26.77%, perniagaan dan keusahawanan 13.02%, komputer dan teknologi maklumat 5.56%, bahasa 0.72%, grafik dan multimedia 8.21%, sains kesihatan 1.13%, pembangunan diri dan motivasi 2.45%, sains & matematik 0.24%, kecantikan dan dandanan 16.36%, elektrik dan elektronik 5.78%, kraftangan dan hiasan dalaman 0.14%, jahitan dan pakaian 9.86%, program industri 2.00%, teknologi agro 2.54% , seni kreatif 3.85%, teknologi hijau 1.38% manakala kenderaan dan automotive, kerohanian dan keagamaan, bangunan, hospitaliti dan pelancongan, akuakultur serta kesenian dan kebudayaan pada 0%. Kluster katering dan sajian dilihat 30 peratus penyertaan melebihi kluster-kluster yang lain iaitu kurang daripada 9 peratus. Kluster Katering dan Sajian muncul sebagai kluster paling dominan dengan peratusan penyertaan paling tinggi sekali gus menunjukkan bahawa hampir satu pertiga daripada jumlah keseluruhan peserta memilih kursus dalam kluster ini.



Rajah 2 : Peratusan jumlah peserta kursus PSH mengikut kluster

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti peserta kursus PSH di Kolej Komuniti Kulim terdiri daripada golongan wanita. Corak ini dapat dikaitkan dengan kluster kursus yang paling popular iaitu Katering dan Sajian , Perniagaan dan Keusahawanan, Kecantikan dan Dandanan serta Jahitan dan Pakaian. Secara umum, kursus dalam kluster ini lebih hampir dengan minat dan kecenderungan wanita, selain mempunyai potensi tinggi untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian serta menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan kecil. Keadaan ini menyokong pandangan bahawa faktor demografi, khususnya jantina, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemilihan kursus PSH. Hal ini selari dengan dapatan kajian Mohd Yusof dan Ismail (2020) yang mendapati bahawa peserta wanita lebih cenderung memilih kursus berbentuk praktikal yang memberi manfaat kepada keluarga dan komuniti. Justeru, pengurusan Kolej Komuniti perlu mengambil kira dimensi demografi ini dalam perancangan penawaran kursus pada masa hadapan. Dengan memahami hubungan antara jantina peserta dan pilihan kluster kursus, strategi yang lebih bersasar dapat dirangka untuk meningkatkan kadar penyertaan, memperkukuh keberkesanan program, dan memastikan penyediaan kursus benar-benar selaras dengan keperluan serta aspirasi komuniti setempat.

Dapatan kajian juga turut menunjukkan bahawa terdapat beberapa kluster kursus iaitu Bangunan, Kenderaan dan Automotif, Kerohanian dan Keagamaan, Hospitaliti dan Pelancongan, Akuakultur, serta Kesenian dan Kebudayaan yang mencatatkan kadar penyertaan sifar (0%) sepanjang tempoh kajian. Situasi ini memberikan implikasi penting kepada Kolej Komuniti Kulim (KKKU) dan komuniti setempat kerana ia menunjukkan wujudnya jurang antara kursus yang ditawarkan dengan minat, keperluan dan keutamaan masyarakat. Kekurangan penyertaan ini mungkin berpunca

daripada beberapa faktor seperti tiada tenaga pengajar dalam bidang, kekangan kemudahan dan peralatan, tahap kesedaran yang rendah terhadap manfaat kursus serta persepsi bahawa kursus tersebut kurang relevan dengan peluang ekonomi semasa. Bagi mengatasi isu ini, pihak KKKU disarankan untuk melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan dengan menjalankan kajian keperluan (needs analysis) bagi mengenal pasti kursus yang benar-benar dikehendaki oleh komuniti setempat serta menambah baik strategi promosi dan penyebaran maklumat agar masyarakat lebih jelas tentang manfaat kursus dalam kluster-kluster yang kurang mendapat sambutan. Dengan pendekatan yang lebih bersasar dan inklusif, kursus yang mencatatkan sifar penyertaan berpotensi untuk dihidupkan semula dan memberi manfaat kepada lebih ramai peserta dalam komuniti setempat.

4.0 Rumusan dan cadangan

Berdasarkan hasil kajian, trend permintaan dan penyertaan kursus PSH di Kolej Komuniti Kulim menunjukkan bahawa kluster Katering dan Sajian mencatatkan bilangan peserta tertinggi dengan jumlah keseluruhan seramai 1,898 orang bagi tempoh tiga tahun (2022–2024). Justeru, analisis ini dapat dijadikan panduan kepada pihak pengurusan Kolej Komuniti Kulim dalam merancang dan mengurus aspek kewangan, sumber manusia serta perolehan aset dengan lebih teliti dan seimbang, agar pelaksanaan kursus PSH dapat dijalankan dengan lebih berkesan sepanjang tahun. Implikasi kajian ini amat signifikan kerana ia membantu pihak pengurusan kolej merangka strategi yang lebih berkesan bagi meningkatkan kadar penyertaan peserta dalam kursus PSH. Pihak pengurusan KKKU dicadangkan memperuntukkan bajet khusus bagi menaik taraf peralatan dalam kluster Katering dan Sajian, serta menilai semula kursus-kursus yang tidak mencatatkan penyertaan sepanjang tiga tahun berturut-turut. Dengan memahami trend permintaan dan kecenderungan peserta, pihak kolej dapat menyesuaikan penawaran kursus agar lebih relevan dengan keperluan sebenar komuniti setempat. Selain itu, hasil kajian ini juga berpotensi menyumbang kepada penambahbaikan strategi promosi dan penyebaran maklumat kepada bakal peserta, sekali gus memastikan lebih ramai individu mendapat manfaat daripada program PSH yang ditawarkan.

Sebagai rumusan, kajian ini telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami pola penyertaan kursus PSH di KKKU. Dapatan kajian ini bukan sahaja relevan kepada pihak kolej tetapi juga boleh dijadikan rujukan oleh institusi Pendidikan lain yang menawarkan kursus PSH dalam usaha meningkatkan keberkesanan program pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia.

Pengkaji mencadangkan agar kajian pada masa hadapan dijalankan bagi meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi kluster Katering dan Sajian, iaitu bidang yang menjadi tumpuan utama dalam kalangan komuniti setempat di Kolej Komuniti Kulim.

Rujukan

Abdul Kadir, A., Buang, Z., & Anuar, O. (2024). Kajian analisis berdasarkan trend permintaan dan penyertaan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Kolej Komuniti Ledang. *e-Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat*, 369–375.

Abdullah, R., & Latif, N. (2018). Keberkesanan Kursus PSH di Kolej Komuniti Bandar Penawar. *Jurnal Pendidikan dan Latihan Komuniti*, 6(1), 21–32.

Hassan, A., & Manaf, N. A. (2017). Cabaran Pelajar Dewasa dalam Program Pembelajaran Fleksibel di IPTA. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 45–56.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Strategik Kolej Komuniti 2015–2020*.

Knowles, M. S., Holton, E. F., & Swanson, R. A. (2015). *The Adult Learner: The Definitive Classic in Adult Education and Human Resource Development* (8th ed.). New York: Routledge.

Mahadzir, N., & Roslan, S. (2021). Pendidikan Sepanjang Hayat dan Kesejahteraan Komuniti: Kajian Kes di Kolej Komuniti. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Komuniti*, 10(2), 33–42.

Mohd Yusof, N., & Ismail, M. (2020). Kajian Terhadap Penyertaan Peserta Dewasa dalam Kursus PSH Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Komuniti*, 4(2), 55–68.

Noraini, S., Zulkefli, N., & Aida, M. (2021). Pelaksanaan Blended Learning dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di UiTM. *Jurnal Inovasi Pendidikan*, 9(1), 17–25.

Rahman, M.A., & Mohamad, N. (2019). Analisis Penyertaan Kursus PSH dan Potensi Keusahawanan Komuniti Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Komuniti*, 3(1), 45–58.

Zulkifli, N. A., & Mohamad, M. (2019). Keberkesanan Strategi Pembelajaran Dewasa dalam Kursus PSH: Kajian Kes di Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Komuniti*, 4(2), 45–56.